



KENANGAN...Neelofa (tengah) bersama 500 peserta program, semalam.

# Asas lonjak ketrampilan

## 500 pelajar UTHM ikuti Program Langkah Konfiden

>>Oleh Haidhar Hilmi

am@hmetro.com.my

**B**ATU PAHAT: Program Langkah Konfiden yang juga inisiatif pertama akbar nombor satu Malaysia, Harian Metro untuk mendekati golongan wanita muda di institusi pengajian tinggi (IPT) mendapat sambutan membangangkan apabila kira-kira 500 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, menghadirinya, semalam.

Program diadakan di UTHM dan mendapat tajaan utama Kotex serta tajaan bersama Garnier itu menawarkan pelbagai aktiviti menarik

disediakan khas buat warga kampus selaras dengan objektif penganjurannya iaitu memperkasakan wanita.

Antara programnya ceramah motivasi disampaikan selebriti terkenal tanah air iaitu Noor Neelofa Mohd Noor atau lebih dikenali sebagai Neelofa.

Pelajar, Noor Atiqah Che Rosely, 23, berkata, program berkenaan bukan saja mendatangkan manfaat kepada pelajar malah meningkatkan keyakinan diri mereka.

"Saya teruja dengan aktiviti menarik yang dijalankan selain berpeluang mendengar ceramah motivasi daripada Neelofa yang menempa kejayaan di usia muda."

"Saya juga gembira kerana turut menerima pelbagai barang cenderahati pada program ini," katanya yang juga pelajar jurusan elektrik.

Seorang lagi pelajar, Laily Fairus Abdul Ghafar, 23, berbincang dia mendapati ramai rakananya berminat dengan peraduan berkenaan yang hanya memerlukan peserta mengambil gambar dengan gaya menarik dan berkeyakinan.

"Peraduan ini nyata membina keyakinan kami sebagai pelajar untuk beraksi di depan khalayak."

"Saya harap program seperti ini akan diadakan lagi kerana ia memberi banyak manfaat kepada pelajar IPT," katanya.